



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PELANTIKAN YM DATIN SRI SHARIFAH MENYALARA HUSSEIN SEBAGAI Pengerusi YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

PUTRAJAYA, 21 November 2025 - Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan pelantikan YM Datin Sri Sharifah Menyalara Hussein sebagai Pengerusi Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) yang berkuat kuasa mulai 14 November 2025.

Pelantikan ini selaras dengan Pindaan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Akta 389) yang telah diluluskan dengan sokongan majoriti di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Februari tahun ini. Pindaan tersebut membolehkan individu selain Menteri yang bertanggungjawab dilantik sebagai Pengerusi YTAR. Sehubungan itu, Datin Sri Sharifah Menyalara Hussein menjadi individu pertama selain Menteri yang menyandang jawatan tersebut, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus YTAR.

Lebih dikenali sebagai Lara Hussein, beliau merupakan Ketua Pengarah Eksekutif dan pengasas M+C Saatchi Group Malaysia sejak tahun 2003. Sebelum itu, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam sektor pengiklanan termasuk di Bates, Dentsu dan Young & Rubicam. Selain itu, beliau juga merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah di Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), sebuah institut penyelidikan dasar awam bukan berasaskan keuntungan di Malaysia.

Sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah YTAR, Datin Sri Sharifah Menyalara aktif memimpin transformasi strategik yayasan tersebut ke arah yang lebih inklusif, relevan dan saksama. Beliau juga mengetuai proses pembaharuan serta penjenamaan semula Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) sejak 2019, dan mempengerusikan Jawatankuasa Pemberian YTAR yang menyelia pelaksanaan biasiswa dan program-program lain yayasan berkenaan. Di samping itu, beliau turut mengetuai sesi temuduga serta proses pemilihan penerima Anugerah Pingat Tunku (APT) yang meraikan graduan cemerlang dari institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara percaya bahawa pelantikan ini akan memperkukuh peranan YTAR dalam mengangkat agenda pembinaan negara bangsa melalui peluang pendidikan yang lebih inklusif, berimpak dan berpaksikan nilai-nilai kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman. Beliau yakin pengalaman luas Datin Sri Sharifah Menyalara dalam kepimpinan strategik, tadbir urus serta advokasi pendidikan akan terus mengangkat YTAR sebagai sebuah institusi berprestij yang menjadi peneraju pembangunan bakat muda negara.

Kementerian Perpaduan Negara

21 November 2025

KPN.100-9/1/1 (97)